

Jejak Menara di UMS Sabtu ini

UB 13.3.2014 AC

KOTA KINABALU: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) Zon Sabah akan menganjurkan Program Jejak Menara khas untuk lepasan SPM, STPM dan STAM di Sabah bertempat di Dewan Kuliah Pusat 1, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 15 Mac 2014 (Sabtu).

Program ini terbuka dan percuma untuk pelajar-pelajar yang sedang

menunggu keputusan peperiksaan yang bakal memasuki menara gading, kata Pengarah Yadim Sabah Haji Samin Haji Ongki.

Program Jejak Menara ini adalah salah satu program Yadim meliputi 14 lokasi (14 negeri) dan sebagai satu pendekatan Yadim untuk mendekati pelajar-pelajar yang bakal menuntut di IPT / IPTA.

Oleh kerana program

ini julung kali diadakan di Sabah, beliau berharap agar pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan dapat mengambil peluang ini.

Masa pendaftaran adalah seawal jam 8 pagi dan program akan dijangka berakhir jam 5 petang. Selain mengikuti taklimat kerjaya, makan minum dan sijil juga akan disediakan untuk peserta.



SAMIN